

Kandungan

Pertolongan?

Jika buku panduan ini tidak menjawab atau jika 'Tip' tidak menyelesaikan masalah TV anda, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat atau Pelanggan Philips Tempatan anda. Lihat buku jaminan Seluruh dunia yang dibekalkan dalam CD.
Harap sediakan nombor Model dan Produk yang boleh ditemui di belakang televisyen anda atau pada bungkusannya, sebelum menghubungi talian bantuan Philips.

Model: 42PF9830/69-79

No Produk:

Penjagaan skrin

Lihat ms. 3.

Arahan Tamat Hayat


Philips memberi perhatian kepada menghasilkan mesra alam di kawasan yang menumpukan kehijauan. TV baru anda mengandungi bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula. Pada penghujung hayatnya, syarikat-syarikat khusus boleh menanggalkan TV yang dibuang untuk menumpukan bahan yang boleh diguna semula dan untuk meminimumkan jumlah bahan untuk dibuang. TV anda mengandungi (boleh menerima) jumlah merkuri yang kecil. Harap pastikan anda membuang TV anda mengikut peraturan tempatan.

Persediaan	2
Pemasangan kali pertama	2
Mengendalikan swivel bermotor	3
Kekunci di bahagian atas TV	3
Alat kawalan jauh anda RC4310	4
Skrin pembelek	6
Menggunakan menu	7
Pengenalan	7
Cara meluncuri menu Setting	7
Demo	7
Pemasangan	
Pilih bahasa menu	8
Simpan saluran TV	8
Menaik taraf perisian	10
Setup TV	
Pilihan	11
Sumber	13
Menu TV	
Menu gambar	14
Menu bunyi	16
Menu ciri-ciria	17
Menu Ambilight	18
Pembelek Multimedia	
Melihat kandungan daripada kad Memori / peranti USB	19
Menu Multimedia Pembelek	20
Teleteks	21
Menu teleteks	22
Peranti untuk disambung pada sambungan sisi	22
Myambung Peranti Aksesori	23
Perakam (vcr-dvd+rw)	24
Perakam dan peranti A/V yang lain	25
Pemain DVD atau peranti sumber digital aksesori lain	26
Penerima MultiChannel Surround	27
Peranti untuk disambung pada penyambung HDMI	28
Peranti untuk disambung pada penyambung DVI	29
Merakam dengan perakam anda	30
Untuk memilih peranti yang disambungkan	30
Kekunci peralatan audio dan video	31
Menetapkan alat kawalan jauh untuk mengoperasi peranti perisian	
Masukkan kod	32
Membatalkan mod pilihan	32
Alat kawalan jauh boleh belajar	34
Tip	36
Lampiran 1 - Menaik taraf perisian TV Philips menggunakan memori portabel	37
Lampiran 2 - Format Tayangan Slaid TV Philips dengan muzik latar	39
Lampiran 3 - TV Philips - Memori Portabel dan USB	41



NXT® is a trademark of New Transducers Limited

Persediaan



Jangan masukkan palam kuasa di dalam soket dinding atau gantung TV di dinding sebelum semua sambungan dibuat.

1 Arahan pemasangan di dinding / Meja kaki / Swivel bermotor

Cara untuk memasang braket pemasangan dinding dan/atau kaki boleh didapati daripada risalah yang dibekalkan secara berasingan.

Awas: Memasang TV memerlukan kemahiran khusus yang seharusnya hanya dilakukan oleh petugas berkelayakan. Anda tidak sepatutnya cuba melakukan sendiri tugas ini. Philips tidak akan bertanggungjawab terhadap penyediaan yang tidak sempurna yang mengakibatkan kemalangan atau kecederaan.

Menggunakan braket yang dibekalkan untuk menetapkan kedudukan TV:

- Anda boleh meminta tunjuk ajar petugas servis berkelayakan mengenai cara menggunakan braket untuk memasang rak TV di dinding.
- Ikut arahan yang disertakan bersama braket sebelum memulakan kerja.
- Pastikan pemasangan dinding dipasang dengan kukuh supaya ia memenuhi piawaian keselamatan. Berat TV (tidak termasuk bungkus) adalah lebih kurang 42 kg.

2 Tempatkan atau gantung TV dimana suka, tetapi pastikan udara berered dengan bebas melalui lubang-lubang udara. Jangan pasangkan TV di ruang yang sempit seperti rak buku atau unit yang sama dengannya. Untuk mencegah sebarang situasi yang tidak selamat, tiada punca api yang terdedah, seperti lilin yang menyala, yang diletakkan disekitarnya. Elak daripada panas, matahari terik dan terdedah kepada hujan atau air. Peralatan ini tidak harus didedahkan kepada titisan atau percikan.



3 Masukkan palam aerial dengan kukuh ke dalam soket aerial  di bawah TV. Untuk kualiti gambar terbaik, gunakan kabel aerial penahan yang dibekalkan.

4 Sebelum memasang TV anda, sambungkan semua peranti persisian. Lihat ms. 23.

5 Masukkan kord utama yang dibekalkan ke dalam salur utama di bawah TV dan di dalam soket dinding yang mempunyai voltan utama 198-264V. Untuk mencegah kerosakan ke atas kod (AC) kuasa yang boleh menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik, jangan letakkan TV di atas kord.

6 Alat kawalan jauh: Masukkan 2 bateri yang dibekalkan (Jenis R6-1.5V). Bateri yang dibekalkan tidak mengandungi merkuri logam berat dan kadmium. Sila periksa cara membuang bateri yang sudah kehabisan mengikut peraturan tempatan.

7 Pasangkan TV: Tekan suis kuasa  pada bahagian atas TV anda. Penunjuk di hadapan TV menyala dan skrin akan muncul. Jika TV berada di dalam mod sedia, tekan kekunci **-P+** atau kekunci  di alat kawalan jauh.



Mengendalikan swivel bermotor



Swivel bermotor boleh berputar + dan - 30 darjah serta boleh dioperasi menggunakan alat kawalan jauh TV anda. Ia juga boleh dioperasi secara manual.

Persediaan

- ① Masukkan kabel DC swivel transformer ke dalam DC input swivel.
- ② Masukkan kord kuasa kepada swivel transformer.
- ③ Masukkan palam utama swivel transformer ke dalam soket dinding.

Operasi

Mula-mula tekan kekunci **SWIVEL MOT** pada sisi alat kawalan jauh anda dan terus menekannya.

Kemudian secara serentak:


- tekan kurSOR ke kiri/ kanan untuk memutar swivel mengikut hala komand;
- tekan kurSOR ke bawah untuk membawa swivel pada posisi tengah;
- tekan kurSOR ke atas untuk mengembalikan swivel ke posisi pilihan terakhir.

Nota: Selepas kuasa turun atau palam kord kuasa dicabut dari soket, laraskan posisi swivel menggunakan kurSOR ke kiri/ kanan.

Melaras ke posisi tengah secara automatik

Tekan kekunci **Ø** selama sekurang-kurangnya 5 saat untuk menutup TV anda dan untuk mengubah swivel ke posisi tengahnya.

Kekunci pada bahagian atas TV



Sekiranya alat kawalan jauh anda hilang atau pecah, anda masih boleh menukar setting asas menggunakan kekunci pada bahagian atas TV anda.

Tekan suis kuasa **Ø**.

Tekan:

- kekunci + **▲** - untuk melaras volum;
- kekunci + **P/CH** - untuk memilih saluran TV atau sumber.

Kekunci **MENU** boleh digunakan untuk memanggil menu Setting tanpa menggunakan alat kawalan jauh.

Guna:

- kekunci + **▲** - dan kekunci + **P/CH** - untuk memilih menu items;
- kekunci **MENU** untuk mengesahkan pilihan anda.

Nota:

Apabila diaktifkan melalui kekunci **MENU** pada bahagian atas TV, hanya Keluar membolehkan anda menyingkirkan menu.

Meluncur ke Keluar, tekan kurSOR ke kanan dan kemudian tekan kekunci **MENU**.

Penjagaan skrin

Jangan sentuh, tolak atau gosok atau ketuk skrin dengan sesuatu yang keras kerana ini boleh mencalar, merosakkan skrin buat selama-lamanya. Jangan gosok dengan kain habuk yang mempunyai rawatan kimia.

Jangan sentuh permukaan dengan tangan atau kain bergris (sesetengah kosmetik berbahaya kepada skrin).

Cabutkan palam TV sebelum membersihkan skrin. Apabila permukaan menjadi berabuk, sapukan dengan perlahan menggunakan kapas serap atau bahan lembut lain seperti kain serap kamois. Jangan gunakan acetone, toluene dan alkohol kerana ia boleh menyebabkan kerosakan kimia. Jangan gunakan pembersih cecair atau aerosol. Sapukan air ludah atau titisan air secepat mungkin. Sentuhannya pada skrin untuk jangka masa yang lama akan menyebabkan kecacatan dan kelunturan warna.

Menggunakan alat kawalan jauh RC4310

Nota: Untuk kebanyakan kekunci, menekan kekunci sekali akan mengaktifkan fungsi ini. Tekan buat kali kedua akan menyah-aktifkannya. Apabila kekunci membolehkan pelbagai pilihan, satu senarai kecil akan ditunjukkan. Tekan berulang kali untuk memilih perkara selanjutnya di dalam senarai. Senarai ini akan dihilangkan secara automatik selepas 6 saat atau tekan **OK** untuk menghilangkannya dengan segera.

DVD/R SAT TV VCR AUX

Tekan kekunci **SELECT** berulang kali untuk memilih salah satu mod sistem di mana alat kawalan jauh boleh digunakan. Jika tiada tindakan dilakukan dalam tempoh 60 saat, alat kawalan jauh kembali kepada mod TV. Selepas satu tindakan dalam mod sistem pilihan, alat kawalan jauh akan kembali dalam mod ini selama 60 saat dan seterusnya akan kembali kepada mod TV.

■ Memilih peranti yang disambung

Tekan kekunci ini sehingga tanda sumber muncul, kemudian tekan berulang kali untuk memilih **AV1**, **AV2**, **AV3**, **DVI**, **HDMI**, **Side** atau **TV**, mengikut lokasi peranti persisian yang disambung.

❖ PEMBELEK Pasang/Padam

Tekan untuk memaparkan Pembelek menu Pasang atau Padam. Lihat ms. 6.

OK

- mengaktifkan sesuatu setting
- memaparkan senarai saluran
- mula menayangkan kandungan dalam aplikasi Pembelek Multimedia, ms. 20.

(MOT) SWIVEL kekunci

Mengawal swivel bermotor beserta kekunci kursor. Lihat ms. 3.

MENU Menu Setting Pasang / Padam

Lihat ms. 11.

◀ Volum

Tekan kekunci **+ ▲** - untuk melaras volum.

✖ Mengganggu bunyi atau mengekalkannya.

Kekunci Alfanumerik


Memilih saluran TV. Lihat ms. 6.

ⓘ Maklumat di Skrin

Tekan untuk paparkan (apabila ada) maklumat mengenai saluran dan program TV yang dipilih.

●◀▶▶▶▶▶

- Kekunci peranti audio dan video Lihat ms. 31.
- Kekunci fungsi Pembelek Multimedia Lihat ms. 20.



⊕ Sedia

Tekan untuk memasang atau menutup TV. Apabila dimatikan, penunjuk merah di TV akan menyala.

Nota: TV tidak akan terputus bekalan kuasa sepenuhnya kecuali palamnya ditanggalkan dari soket.

DEMO Demo Pasang/Padam Lihat ms. 7.

Kekunci warna

Apabila fungsi dihubungkan pada kekunci warna, kekunci warna muncul pada skrin.

☰ Halaman indeks Teletext Lihat ms. 21.

☷ Teleteks Pasang/Padam Lihat ms. 21.

Kekunci kursor

Tekan kursor atas/bawah, kiri/kanan untuk masuki menu.

+P- Pilihan Program

Untuk menyemak saluran TV dan sumber-sumber yang disimpan di dalam senarai kegemaran.

P-P Program terdahulu

Tekan untuk menukar saluran TV yang sedang ditonton dengan saluran TV ditonton sebelumnya.

AMBILIGHT

• ON/OFF (PASANG / PADAM)

Tekan untuk memasang atau menutup Ambilight. Untuk setting Ambilight, lihat menu TV, Ambilight, ms. 10.

• MODE (MOD)

Tekan kekunci ini berulang kali untuk menukar mod Ambilight.

FAVORITES (KEGEMARAN)

• VIEW (TONTON)

Untuk memaparkan senarai semua saluran yang ditandakan sebagai kegemaran.

- ✓ Untuk menambah atau membuang sesuatu saluran dalam senarai saluran TV kegemaran.



12 Dwi skrin / PIP

Tekankekunci 12 untuk memasang atau menutup Dwi skrin atau PIP, mengikut pilihan format yang dibuat dalam senarai **PIP format** dalam menu Setup, Gambar/Bunyi pilihan, ms. 11.

PIP membolehkan anda memanggil subskrin di dalam skrin utama. Ini membolehkan anda menonton dua saluran TV atau satu saluran TV dan gambar daripada persian secara serentak.

Dwi skrin membolehkan anda membahagikan skrin utama kepada dua subskrin. Ini membolehkan dua saluran TV atau satu saluran TV dan satu sumber luaran atau gabungan salah satu daripadanya dengan Teletext (lihat ms. 21) ditonton secara serentak.

Nota: Bukan semua gabungan boleh dihasilkan. Jika ini berlaku, mesej muncul pada skrin.

- 1 Tekan kursor ke kiri/ kanan untuk menyerlahkan PIP window atau skrin kiri/kanan dalam Dwi skrin.
- 2 Tekankekunci -P+ atau kekunci + atau kekunci digit untuk menukar saluran TV, sumber luaran atau muka surat teletext di dalam skrin yang diserlahkan.
- 3 Tekankekunci 12 sekali lagi untuk kembali kepada gambar penuh skrin utama. TV beralih kepada gambar yang diserlahkan dalam dwi skrin atau mod PIP.

Nota:


- Audio hanya berfungsi dari skrin utama, apabila PIP telah dipilih, atau dari skrin kiri, apabila Dwi skrin telah dipilih.
- Apabila dalam Dwi skrin, dua format paparan disokong: skrin penuh atau sebahagian. Kandungan Pembelek Multimedia biasanya dipaparkan dalam skrin penuh.
- Apabila mode PIP atau Dwi skrin diaktifkan, dan satu saluran TV atau sumber dikunci, gambarnya menjadi semakin pudar.

Menentukan posisi skrin PIP

- 1 Tekan kursor ke kanan untuk menyerlahkan skrin PIP.
- 2 Tekankekunci warna merah pada alat kawalan jauh untuk memilih **Posisi**.
Nota: Jika tiada tindakan dilakukan, bar fungsi pada bahagian bawah skrin akan hilang selepas beberapa saat. Tekan mana-mana kekunci warna untuk membuatkan ia muncul semula.
- 3 Gunakan kekunci kursor untuk menentukan posisi skrin PIP.

13 Format gambar

Tekankekunci ini bermula kuliuntuk memilih format gambar yang lain: Auto format, Super zoom, 4:3. Kembangkan Tayangan Gambar 14:9, Kembangkan Tayangan Gambar 16:9, zoom Sarikata atau Skrin Lebar.




Tayangan Gambar 16:9

Auto format membuat gambar mengisi skrin seberapa banyak yang mungkin. Di dalam kes sarikata di dalam bar hitam di bawah, Auto format membuat sarikata dapat dilihat.

Di dalam kes logo penyampai di sudut atas bar hitam, logo hilang dari skrin. Super zoom menghilangkan bar hitam di tepi program 4:3 dengan ganguan minima.

Apabila Kembangkan Tayangan Gambar 14:9, Kembangkan Tayang Gambar 16:9, format gambar Super zoom atau zoom Sarikata, anda boleh menjadikan sarikata boleh dilihat dengan kursor ke atas/bawah.

Nota: Dengan sumber HD, bukan semua format skrin boleh didapati.



Kekunci alfanumerik pada alat kawalan jauh

Kekunci alfanumerik pada alat kawalan jauh boleh digunakan untuk memasukkan digit dan teks.

Apabila perlu, entri multi-tap boleh digunakan untuk memasukkan maklumat alfanumerik. Kerektor yang dipaparkan bergantung pada bahasa yang dipilih dalam menu Pemasangan. Lihat ms. 8.

Teks dimasukkan sama seperti kaedah yang digunakan bagi memasukkan mesej teks pada telefon selular.

Apabila satu huruf atau nombor telah dimasukkan, kursor secara automatik mara ke posisi kerektor seterusnya selepas tempoh tertentu habis atau dengan menekan kursor ke kanan.

Kekunci RC Susunan entri alfanumerik Multi-tap yang gagal

1	<space> ← - 1 <space> ← - 1 (etc.)
2	a b c A B C 2 a b c (etc.)
3	d e f D E F 3 d e f (etc.)
4	g h i G H I 4 g h i (etc.)
5	j k l J K L 5 j k l (etc.)
6	m n o M N O 6 m n o (etc.)
7	p q r s P Q R S 7 p q r s (etc.)
8	t u v T U V 8 t u v (etc.)
9	w x y z W X Y Z 9 w x y z (etc.)
0	. @ 0 . @ 0 (etc.)

Kursor ke atas/ bawah juga boleh digunakan untuk memasukkan maklumat alfanumerik. Apabila habis, tekan kekunci OK untuk mengesahkan entri. Beralih ke panel kiri.

Kekunci RC gagal_KURSOR_ATAS/RC_KURSOR_BAWAH Susunan Entri Alfanumerik

RC_CURSOR_UP	a b c d ...A B C D ...1 2 3 ...0 <space> _ - .@
RC_CURSOR_DOWN	@ . - _ <space> 0 9 8 7 ...Z Y X ...z y x ...c b a

Skrin Pembelek



Skrin Pembelek (dan kandungan pembelek Multimedia di bawahnya) mengandungi semua kandungan, servis, aplikasi yang anda mahu guna.

- ① Tekan kekunci untuk mengaktifkannya.
- ② Tekan kursor ke atas/ bawah untuk mengalih serlahan ke atas dan ke bawah dalam senarai perkara menu.
- ③ Tekan kursor ke kanan untuk pergi lebih jauh ke dalam struktur.

• Televisyen:

Saluran TV menuju ke senarai saluran TV.

• Multimedia:

Mengandungi peranti yang disambung secara setempat di mana kandungannya (gambar, fail audio dan fail video) disimpan. Lihat Pembelek Multimedia, ms. 20.

Mengguna menu

Pengenalan

Banyak arahan mengenai cara mengguna, teks dan mesej bantuan akan dipaparkan pada TV anda apabila menggunakan menu atau apabila cuba melakukan sesuatu tindakan.

Sila ikut arahan dan baca teks bantuan yang sedang dipaparkan pada perkara khusus yang diserlahkan.

Kekunci warna merujuk kepada tindakan berlainan yang mana mungkin dilakukan bergantung kepada peranti persisian yang diaktifkan. Tekan kekunci warna yang sepadan pada alat kawalan jauh untuk melakukan tindakan yang dikehendaki.

Bagaimana meluncuri menu Setting

Setting	TV
TV	Gambar
Pengesetan	Bunyi
Pemasangan	Ambilight
Demo	Ciri-ciria
Keluar	
Info	

Setting	Gambar
TV	Kelengkapan peribadi
Gambar	Gambar pintar
Bunyi	Kontras
Ambilight	Tahap kecerahan
Ciri-ciria	Warna
	Ketajaman
	Nada warna
Info	

Menu Setting membolehkan anda mengakses dan menukar setting dan pilihan.

- Tekan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh untuk memanggil menu Setting.

- Pada panel kiri, serlahan boleh diwujudkan pada perkara menu menggunakan kursor ke atas/ bawah.

Panel kanan menunjukkan kandungan perkara menu yang diserlahkan di dalam panel kiri.

Nota: Kadangkala bukan semua perkara menu boleh dilihat pada skrin. Gunakan kursor ke bawah untuk mem paparkan semua perkara.

- Gunakan kursor ke kanan untuk masuk ke panel kanan.

Kandungan panel kanan berpindah ke panel kiri dan panel kanan mem paparkan kandungan perkara yang baru diserlahkan dalam panel kiri.

Nota: Kadang-kadang gambar perlu ditonton ketika mlaraskan setting. Ini bermakna bahawa apabila serlahan berada di panel kanan, perkara lain dalam menu akan tersembunyi. Apabila kursor kiri ditekan sekali lagi, perkara-perkara yang tersembunyi dalam menu tersebut muncul semula dan serlahan beralih ke panel kiri.

- Tekan kursor ke kiri untuk pergi ke satu aras menu di atas sekali lagi.

- Tekan kekunci **OK** pada perkara yang diserlahkan untuk mengaktif dan melenyapkan menu.

- Tekan kekunci **MENU** sekali lagi untuk keluar dari menu Setting.

Nota: Menu ini juga boleh lenyap dengan menekan salah satu kekunci warna (jika ada) yang merujuk kepada tindakan tertentu yang mungkin dilakukan.

Demo

Setting	Demo
TV	Ambilight
Pengesetan	Kelengkapan peribadi
Pemasangan	Pixel Plus 2
Demo	Active Control
Keluar	
Info	

Menu **Demo** membolehkan pengguna mendapat idea mengenai ciri-ciri yang menjadi sebahagian daripada televisyen.

① Pilih **Demo** dalam menu Setting dan tekan kursor ke kanan.

② Serlahkan demo yang dikehendaki menggunakan kursor ke atas/ bawah.

③ Tekan **OK** untuk mula menayangkan demo yang diserlahkan.

Nota: Demo yang dipilih ditayangkan sekali sahaja.

Tekan kekunci warna merah untuk keluar dari demo dan kembali ke mod TV.

Nota: Demo tidak memerlukan interaksi pengguna kecuali untuk memulakan demo.

Pemasangan

Setting	Pemasangan
TV	Bahasa
Pengesetan	Pemasangan automatik
Pemasangan	Pemasangan manual
Demo	Kocok semula/menamakan s..
Keluar	Siaran-siaran terpilih
	Naiktaraf perisian
Info	

Pilih bahasa menu

- ① Tekan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh.
- ② Gunakan kursor ke bawah untuk memilih **Pemasangan** dalam menu Setting.
- ③ Gunakan kursor ke kanan untuk masuk ke dalam menu Pemasangan.
- ④ Pilih **Bahasa** dan masuk ke dalam senarai bahasa yang disediakan menggunakan kursor ke kanan.
- ⑤ Pilih bahasa anda menggunakan kursor ke atas/ bawah dan tekan kekunci **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.
- ⑥ Teruskan dengan menu Pemasangan.

Menyimpan saluran TV

Selepas bahasa dipilih dengan betul, anda sekarang boleh mencari dan menyimpan saluran TV dengan dua cara: menggunakan Pemasangan Automatik atau Pemasangan Manual (menala saluran demi saluran). Buat pilihan arah dengan kursor ke kanan (memasang saluran demi saluran, lihat keterangan seterusnya).

Pemasangan Automatik

- ① Pilih **Pemasangan Automatik** di dalam menu Pemasangan.
Nota: Semua saluran mesti dibuka kuncinya bagi autoprogram. Jika diminta, isikan kod anda untuk membuka semua saluran (Lihat menu TV, Ciri-ciria, Kunci budak m. 17)
- ② Tekan kursor ke kanan untuk masuk ke **Pemasangan Automatik**. Label opsyen mengautoprogram Mula Sekarang muncul.
- ③ Tekan kekunci **OK**.
- ④ Tekan kekunci hijau Mula untuk mula mengautoprogram. Skrin menu lenyap dan kemajuan mengautoprogram dipaparkan.

Manual pemasangan

- ① Pilih **Manual pemasangan** dalam menu Pemasangan.
- ② Gunakan kursor ke kanan untuk masuk ke menu Manual Pemasangan.
- ③ Pilih negara anda atau bahagian dunia di mana anda berada.
- ④ Tekan kursor ke bawah untuk memilih **Saluran**. Masukkan atau pilih nombor untuk menyimpan saluran TV.
- ⑤ Tekan kursor ke bawah untuk memilih **Jejak**. Frekuensi bertambah sehingga saluran TV ditemui.
Nota: Jika anda tahu frekuensinya, masukkan terus frekuensi tersebut dalam 3 atau 2 digit atau nombor saluran menggunakan kekunci digit 0 hingga 9 (contohnya, 048).
- ⑥ Tekan kursor ke bawah untuk memilih **Penalaan Halus**. Tekan kursor ke kanan dan seterusnya laraskan frekuensi menggunakan kursor ke atas/ bawah sekiranya saluran yang dijumpai diterima dalam keadaan tidak jelas.
- ⑦ Tekan kursor ke kiri dan kemudian tekan kursor ke bawah untuk memilih **Simpan**. Tekan kursor ke kanan dan simpan saluran yang dijumpai menggunakan kekunci **OK**.

Ulangi langkah ④ hingga ⑦ untuk mencari saluran TV yang lain.

Setting	Pemasangan
Pemasangan	Pemasangan manual
Bahasa	Saluran
Pemasangan automatik	Jejak
Pemasangan manual	Penalaan halus
Kocok semula/menamakan s..	Simpan
Siaran-siaran terpilih	
Naiktaraf perisian	
Info	

Pencarian dan penyimpanan saluran TV dilakukan saluran demi saluran. Anda mesti melalui setiap langkah menu Pemasangan Manual.

Seting	
Pemasangan	Kocok semula/menamakan s..
Bahasa	Nama
Pemasangan automatik
Pemasangan manual
Kocok semula/menamakan s..	Nama
Siaran-siaran terpilih	
Naiktaraf perisian	
Info	

Kocok semula/ Menamakan semula saluran

Anda boleh menukar susunan saluran TV yang disimpan. Menukar nama yang disimpan di dalam memori atau memberi nama kepada saluran TV atau saluran luar yang mana namanya belum diisi boleh dilakukan. Nama sehingga 5 huruf atau angka boleh diberikan kepada nombor saluran 0 hingga 99.

- ① Pilih **Kocok semula/ Menamakan semula saluran** dalam menu Pemasangan.
- ② Tekan kursor ke kanan. Senarai saluran muncul.
- ③ Pilih saluran TV yang anda ingin kocok atau namakan semula menggunakan kursor ke atas/bawah.

Kocok semula

- ① Tekan kekunci warna hijau pada alat kawalan jauh anda. Serlahan berada pada saluran TV pilihan yang anda mahu tukar.
- ② Pilih nombor baru untuk saluran tersebut menggunakan kursor ke atas/bawah.
- ③ Tekan kekunci warna hijau pada alat kawalan jauh anda untuk menukar saluran yang dikocok dengan saluran yang sedang diserlahkan.
Nota: Tekan kekunci warna merah untuk membatalkan tindakan mengocok.
- ④ Ulang untuk mengocok saluran TV lain.

Menamakan semula

- ① Tekan kekunci warna merah pada alat kawalan jauh anda. Serlahan berada pada saluran TV pilihan yang anda mahu namakan semula.
- ② Pilih karektor dengan kursor ke atas/bawah atau dengan kekunci alfanumerik pada alat kawalan jauh.
- ③ Pilih posisi berikut dengan kursor ke kanan.
- ④ Masukkan karektor baru.
- ⑤ Tekan kekunci warna hijau atau kekunci **OK** apabila habis.
Nota:
- Tekan kekunci warna kuning untuk memadam semua karektor. Kursor akan berada di tempat permulaan.
- Tekan kekunci warna biru untuk memadamkan karektor pada posisi kursor. Masukkan karektor baru menggunakan kursor ke atas/bawah.
- Jarak, nombor dan karektor khas lain terletak di antara Z dan A.
- ⑥ Pilih satu lagi nombor saluran dan ulangi langkah ② hingga ⑤ untuk melakukan satu lagi penamaan semula.

Seting	
Pemasangan	Siaran-siaran terpilih
Bahasa	Nama
Pemasangan automatik
Pemasangan manual
Kocok semula/menamakan s..	Nama
Siaran-siaran terpilih	
Naiktaraf perisian	
Info	

Saluran kegemaran

Selepas meninggalkan Pemasangan, anda boleh menyemak saluran-saluran TV menggunakan kekunci **-P+**. Hanya saluran-saluran dalam senarai kegemaran akan dipaparkan. Dalam menu ini, anda boleh memilih saluran-saluran yang menganggotai senarai kegemaran.

- ① Pilih **Siaran-siaran terpilih** dalam menu Pemasangan.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk memaparkan senarai saluran-saluran TV yang disimpan.
- ③ Tekan kursor ke atas/bawah untuk memilih saluran TV yang anda mahu buang dari senarai kegemaran.
- ④ Tekan kekunci **OK** untuk mengesahkannya.
- ⑤ Ulang untuk setiap saluran yang anda mahu jadikan bukan kegemaran.

Seting	
Pemasangan	Naiktaraf perisian
Bahasa	Info perisian semasa
Pemasangan automatik	Naiktaraf tempatan/aplikasi
Pemasangan manual	
Kocok semula/menamakan s..	
Siaran-siaran terpilih	
Naiktaraf perisian	
Info	

Naiktaraf perisian

Menu ini membolehkan anda menaik taraf perisian TV menggunakan peranti USB atau Kad Memori.

Menaik taraf menggunakan peranti USB/ Kad Memori

Prosedur menaik taraf boleh dimulakan daripada peranti USB atau Kad Memori sebelum menghidupkan TV. Peranti memori mestilah mengandungi imej (dan struktur) nail taraf yang sesuai yang boleh didapati dalam laman web www.philips.com/support.

Cara memuat-naik versi perisian baru pada peranti memori anda, lihat Lampiran 1, ms. 37.

Setup TV

Seting	Pengesetan
TV	Pemilihan
Pengesetan	Sumber
Pemasangan	
Demo	
Keluar	
Info	

Seting	Pengesetan	Pemilihan
	Pengesetan	Pemilihan
	Pemilihan	Pemilihan gambar/bunyi
	Sumber	Pemilihan ciri-ciri
		Pemilihan menu
		Pengesetan kilang
Info		

Seting/Pengesetan	Pemilihan	Pemilihan gambar/bunyi
	Pemilihan	Pemilihan gambar/bunyi
	Pemilihan gambar/bunyi	Format PIP
	Pemilihan ciri-ciri	Auto surround
	Pemilihan menu	
	Pengesetan kilang	
Info		

Seting/Pengesetan	Pemilihan	Pemilihan ciri-ciri
	Pemilihan	Pemilihan ciri-ciri
	Pemilihan gambar/bunyi	Teleteks 2.5
	Pemilihan ciri-ciri	
	Pemilihan menu	
	Pengesetan kilang	
Info		

Menu ini digunakan untuk mengawal setting fungsi khusus TV, ciri-ciri dan peranti persian.

Menu Kegemaran membolehkan anda mengubah setting yang biasanya diakses sekali sekalai sahaja.

Sumber menu membolehkan anda memilih satu sumber.

Pilihan

- ① Tekan kekunci **MENU**.
- ② Pilih Setup menggunakan kurSOR ke bawah dan tekan kurSOR ke kanan untuk memilih menu **Pilihan**.
- ③ Tekan kurSOR ke kanan lagi sekali untuk memilih Gambar/ Bunyi kegemaran.
- ④ Tekan kurSOR kanan sekali lagi untuk masuk ke menu Gambar/ Bunyi kegemaran.

Pemilihan gambar/bunyi

Format PIP

Menu ini membolehkan anda memilih format kegemaran (PIP atau Dwi skrin) yang seterusnya boleh dipaparkan dengan menekan kekunci **12** pada alat kawalan jauh, **Pasang** atau **Padam**.

- ① Pilih **PIP format**.
- ② Tekan kurSOR ke kanan.
- ③ Pilih PIP atau Dual skrin menggunakan kurSOR ke atas/ bawah. Lihat Penggunaan alat kawalan jauh, ms. 5.

Auto surround

Kadang-kala penyiar menyiaran isyarat khas untuk program yang dikodkan dengan Bunyi Surround.

TV akan secara automatik menukar kepada mod bunyi surround yang terbaik apabila **Auto Surround dipasangkan**.

Pemilihan ciri-ciri

Teleteks 2.5

Sesetengah penyiar menawarkan peluang untuk melihat lebih banyak warna, warna latar belakang lain dan gambar yang lebih cantik di muka surat teleteks.

- ① Pilih Teletext 2.5 dalam menu pilihan Ciri-ciri.
- ② Tekan kurSOR ke kanan untuk memilih Teletext 2.5 **Pasang** atau **Padam**.
- ③ Pilih **Teletext 2.5 Pasang** untuk memiliki kelebihan ciri ini. Pilih **Teletext 2.5 Padam** jika anda gemar susunatur teleteks yang lebih neutral.

Pilihan yang dibuat sah untuk semua saluran yang menyiaran teleteks 2.5.

Nota: ia mungkin akan mengambil beberapa saat sebelum penyiaran teleteks bertukar kepada Teleteks 2.5.

Seting/Pengesetan	
Pemilihan	Pemilihan menu
Pemilihan gambar/bunyi	OSD
Pemilihan ciri-ciri	Tajuk program
Pemilihan menu	Mengeset/Tukar kod
Pengesetan kilang	
Info	

Pilihan menu

OSD

- ① Pilih **OSD**.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk memilih **Normal** atau **Minimum**. Pilih **Biasa** untuk mengaktifkan paparan berterusan nombor program (selama 10 minit) dan paparan lanjutan saluran TV dan maklumat program di skrin. Contohnya, maklumat mengenai program utama atau tambahan, kualiti isyarat input bagi peranti persianan, format paparan dan mod bunyi. **Minimum** untuk mengaktifkan paparan maklumat saluran yang dikurangkan. Lihat Menggunakan alat kawalan jauh, p. 4, Maklumat di Skrin.

Tajuk program

- ① Pilih **Tajuk Program**.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk memilih Tajuk Program, Ya atau Tidak. Apabila memilih Ya, selepas pemilihan sesuatu program TV atau selepas menekan kekunci pada alat kawalan jauh, saluran TV akan menyiarkan nama saluran TV atau tajuk program. Apabila memilih Tidak, tajuk program hanya akan muncul selepas menekan kekunci dan bukan selepas memilih saluran TV.

Mengeset/Tukar kod

- ① Pilih **Set** atau **Tukar kod** dalam menu Pilihan Ciri-ciri menggunakan kursor ke bawah.
- ② Jika masih belum ada PIN-kod, perkara menu akan ditetapkan kepada **Tetapkan kod**. Ikuti arahan di skrin. Jika PIN-kod telah diisi sebelum ini, perkara menu ditetapkan kepada **Tukar kod**. Ikuti arahan di skrin. Semua kombinasi nombor daripada 0000 hingga 9999 adalah nombor sah.
- ③ Menu Pilihan Ciri-ciri muncul semula dengan mesej mengesahkan bahawa PIN telah diwujudkan.

Penting: Anda telah terlupakan kod anda!

- ① Pilih **Tukar kod** di menu Pemilihan ciri-ciri dan tekan **OK**.
- ② Tekan kursor ke kanan dan isikan kod yang akan menggantikan 8-8-8-8.
- ③ Tekan kursor sekali lagi dan isi kod peribadi 4 angka yang baru. Kod sebelum ini dipadam dan kod baru akan disimpan.

Penetapan kilang

Ini menetap semula penetapan gambar dan bunyi kepada nilai-nilai kilang yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

- ① Pilih **Penetapan kilang** menggunakan kursor ke bawah.
- ② Tekan kursor ke kanan.
- ③ Tekan kekunci **OK** untuk memadamkan segala seting and memulangkanya ke asal.

Seting	
Pengesetan	Sumber
Pemilihan	AV1
Sumber	AV2
	AV3
	DVI
	HDMI
	Side
	Digital Audio In 1
	Digital Audio In 2
Info	

Sumber

Menu ini membolehkan anda untuk menyatakan peranti persision yang telah disambungkan kepada salah satu daripada input luar.

- ① Pilih **Sumber** dalam menu Setup.
- ② Tekan kursor ke kanan.
- ③ Pilih input untuk sambungan peranti persision.
- ④ Tekan kursor ke kanan untuk mengisi jenis peranti persision yang disambungkan kepada input yang dipilih.
- ⑤ Pilih peranti persision dengan kursor ke atas/bawah.

Apabila anda pilih **AV1, AV2, AV3, DVI, HDMI** atau **Side**, satu senarai muncul yang membolehkan anda mengenal pasti peranti persision jenis mana yang disambungkan pada input ini. TV mengesan kehadiran peranti persision yang disambung dan isyarat dihantar dengan tepat.

Digital Audio

Pilih Digital Audio Masuk 1 atau 2 apabila TV mengharapkan audio digital untuk peranti persision yang disambung datang dari input audio digital. Pilih sumber untuk peranti persision berinput audio digital yang telah disambungkan.

Selain menerima input audio melalui Digital Audio Masuk, TV boleh output audio Dolby Digital yang sudah dikodkan melalui penyambung **DIGITAL AUDIO OUT** kepada amplifier atau penerima luaran. Jika amplifier atau penerima anda mempunyai penyambung sepadan untuk Digital Audio Masuk, anda boleh sambungkannya dengan kabel tunggal kepada **DIGITAL AUDIO OUT** pada TV.

Lihat Menyambung Peranti Persision, Penerima Digital MultiChannel Surround, ms 27.

Menu TV

Setting	TV
TV	Gambar
Pengesetan	Bunyi
Pemasangan	Ambilight
Demo	Ciri-ciria
Keluar	
Info	

Tekan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh untuk memanggil menu Setting. Menu TV akan memberikan ringkasan menu-menu yang boleh anda pilih.

Nota: Bergantung kepada isyarat input, satu atau lebih perkara menu mungkin tidak boleh dipilih.

Menu gambar

Nota: Sesetengah perkara menu tidak boleh diperoleh jika menggunakan sumber HD.

- ① Tekan kursor ke kanan untuk pilih **Gambar**.
- ② Tekan kursor ke kanan sekali lagi untuk masuk ke menu **Gambar**.
- ③ Pilih perkara menu di dalam menu Gambar dengan kursor ke atas/bawah.
- ④ Laraskan setting menggunakan kekunci kursor. Pilih perkara submenu dengan kursor ke atas/bawah.

Kelengkapan Peribadi

Kelengkapan Peribadi membantu anda pergi ke seting gambar peribadi. Ini dilakukan dengan menyediakan siri beberapa skrin pelarasan, setiap satu mempunyai skrin terbahagi dua/ Setiap kali anda perlu pilih salah satu skrin yang paling digemari. Akhirnya skrin penuh muncul dengan semua setting yang sudah dipilih.

Nota: Kelengkapan Peribadi tidak akan mengubah kewujudan ciri-ciri opsyen penetapan gambar yang lain, kecuali ia melemparkan Seting pemperibadian bagi gambar pintar.

- ① Pilih **Kelengkapan Peribadi** dan tekan kursor ke kanan.
- ② Skrin pengenalan muncul dengan disusuli oleh beberapa skrin pelarasan.
- ③ Dengan kekunci warna, setiap kali memilih setting kegemaran anda pada sebelah kanan atau kiri skrin.
- ④ Akhir sekali, tekan kekunci warna hijau untuk menyimpan setting pilihan anda.

Gambar pintar

Pilih **Gambar pintar** untuk memaparkan senarai penetapan gambar yang telah ditetapkan terlebih dahulu, setiap satu sepadan dengan penetapan kliang khusus. Peribadi merujuk kepada penetapan gambar mengikut kehendak peribadi di dalam menu gambar.

Nota: TV Philips ini telah dikemaskinikan di kilang supaya gambar amat baik di dalam keadaan kedai yang cerah. Keadaan rumah mungkin berbeza. Oleh kerana itu, adalah disyorkan bahawa anda menggunakan **Gambar Pintar** untuk mendapatkan gambar yang paling baik yang sesuai untuk keadaan rumah anda. Kebanyakkan orang minat menggunakan '**Semula jadi**'.

Kontras

Ini akan melaraskan keamatman bahagian terang pada gambar tetapi bahagian gelapnya tidak berubah.

Kecerahan

Ini akan melaraskan output cahaya bagi gambar lengkap, yang akan mempengaruhi bahagian lebih gelap pada gambar.

Warna

Ini akan melaraskan tahap ketepuan warna agar sesuai dengan kegemaran peribadi anda.

Ketajaman

Ini akan melaraskan ketajaman butiran halus pada gambar.

Tint

Ini akan menambah atau mengurangkan warna Hangat (merah) dan Sejuk (biru) agar sesuai dengan kegemaran peribadi anda.

Pilih Sejuk untuk mengubah warna putih kepada warna biru, Normal untuk mengubah warna putih kepada neutral, Hangat untuk mengubah warna putih kepada warna merah.

Seting	
TV	Gambar
Gambar
Bunyi	Pilihan digital
Ambilight	Kontras dinamik
Ciri-ciria	DNR
	Penyerahan warna
	Warna
	Format gambar
	Active Control
Info	

Opsyen Digital

Pixel Plus 2 adalah setting paling unggul, kerana ia memproses imej sepenuhnya agar setiap piksel mencapai tahap terbaik, meningkatkan kontras, kejituuan, kedalaman gambar, dan penghasilan serta keterangan warna daripada setiap sumber, termasuk Definisi Tinggi.

Untuk penghasilan gerakan paling optimum bagi semua bahan sumber, pilih setting Tambahan Wayang Gembar.

Mod **Standard** disarankan hanya untuk sumber yang sangat bising atau diperoleh dengan cara yang tidak mahir atau untuk mereka yang mendapatkan kelincinan Pixel Plus 2 tidak stabil.

Kontras Dinamik

Kontras pada bahagian gambar yang lebih gelap dan lebih terang secara automatik menjadi lebih jelas ketika imej pada skrin berubah.

Biasanya pilih **Sederhana**. Mungkin lebih elok pilih **Minimum**, **Maksimum** atau **Padam**.

- ① Tekan kurSOR ke kanan untuk masuk ke senarai.
- ② Pilih salah satu setting menggunakan kurSOR ke atas/ bawah.
- ③ Tekan kurSOR ke kiri untuk kembali ke menu Gambar.

Pengurangan Bunyi Digital (Digital Noise Reduction)

Secara automatik membuang dan mengurangkan kebisingan imej dan meningkatkan kualiti gambar apabila menerima isyarat video yang lemah.

- ① Tekan kurSOR ke kanan untuk masuk ke senarai.
- ② Pilih **Padam**, **Minimum**, **Sederhana** atau **Maksimum** menurut kebisingan imej.
- ③ Tekan kurSOR ke kiri untuk kembali ke menu Gambar.

Penyerahan warna

Apabila diaktifkan, ciri ini secara automatik mengawal penambahan hijau dan bahagian biru. Ia menjadikan warna lebih terang.

- ① Tekan kurSOR ke kanan.
- ② Pilih **Pasang** atau **Padam** untuk mengaktif/ menyahaktif Penyerahan Warna menggunakan kurSOR ke kanan.

Warna

Memperbetulkan perubahan warna dalam transmisi terkod NTSC.

Format Gambar

Perkara menu ini mempunyai fungsi sama dengan kekunci  pada alat kawalan jauh.

Lihat Penggunaan alat kawalan jauh, ms. 5.

Kawalan Aktif

TV secara berterusan mengukur dan membetulkan semua isyarat yang masuk agar dapat memberikan gambar yang sebaik mungkin. Ia juga menggunakan sensor yang memantau keadaan Cahaya sekitar di dalam bilik dan melaraskan setting gambar utama untuk tontonan terbaik. Apabila Kawalan diset kepada Maksimum, keterangan, kontras dan warna Ambilight akan dipengaruhi oleh sensor cahaya.

Apabila Kawalan Aktif diset Sederhana, hanya warna Ambilight akan dipengaruhi.

- ① Pilih **Kawalan Aktif**.
- ② Tekan kurSOR ke kanan untuk masuk ke nilai Kawalan Aktif.
- ③ Tekan kurSOR ke atas/ bawah untuk memilih nilai-nilai Kawalan Aktif sama ada **Padam**, **Minimum**, **Sederhana** atau **Maksimum**.
- ④ Seting Gambar akan dioptimumkan secara terus menerus. Perkara-perkara menu tersebut tidak boleh dipilih.
- ⑤ Tekan kekunci **OK** atau tunggu masa habis untuk melenyapkan paparan Kawalan Aktif.

Setting	
TV	Bunyi
Gambar	Bunyi pintar
Bunyi	Volum
Ambilight	Imbangang
Ciri-ciria	Volum fon kepala
	Mod surround
	Dwi I-II
	Mono/Stereo
	AVL
	Volum delta
Info	

Menu bunyi

- ① Pilih **Bunyi** dalam menu TV Setting.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk masuk ke menu Bunyi.
- ③ Pilih perkara menu menggunakan kursor ke atas/ bawah.
- ④ Tekan kursor ke kanan.
- ⑤ Laraskan setting menggunakan kekunci kursor.
Ingat, mengawal setting adalah pada tahap pertengahan normal apabila skala bar dimasuki.

Bunyi pintar

Pilih bunyi bijak untuk memaparkan senarai penetapan bunyi yang telah ditetapkan lebih awal, setiap satu sepadan dengan penetapan kilang khusus bagi Trebel dan Bass.

Tekan kursor ke kanan untuk masuk ke senarai.

Tekan kursor ke atas/ bawah untuk memilih setting bunyi yang telah ditentukan terlebih dahulu.

Peribadi merujuk kepada penetapan kegemaran bunyi peribadi di dalam menu bunyi.

Nota: sekiranya anda menukar setting Bunyi pintar, semua setting baru akan menjadi personal setting baru.

Volum

Ini akan melaraskan paras output bunyi.

Imbangang

Ini akan melaraskan speaker kanan dan kiri bagi mendapatkan hasil stereo terbaik untuk posisi pendengaran anda.

Volum Fon Kepala

Ini mengawal paras bunyi melalui fon kepala.

Mod Keliling (Surround mode)

Ini memilih mod untuk hasil bunyi yang lebih bersesuaian dengan ruang atau sekeliling iaitu bergantung kepada isyarat siaran atau isyarat daripada input luaran yang diterima.

Dwi I/ II

Ini akan memilih, per saluran, Bahasa I atau Bahasa II, apabila transmisi dwi bunyi disediakan.

Mono/ Stereo

Ini memilih, per saluran TV, bunyi Mono atau Stereo apabila siaran stereo analog disediakan.

Penyamarataan Bunyi Automatik

Ini secara automatik mengurangkan perbezaan volume antara saluran dan program, memberikan paras keseluruhan yang lebih malar. Ini juga akan mengurangkan dinamik bunyi.

Volum delta

Ini membolehkan anda membetulkan mana-mana perbezaan volume kekal antara saluran TV atau sumber luaran.

Setting	
TV	Ciri-ciria
Gambar	Sari kata
Bunyi	Pemasalena
Ambilight	Kunci budak
Ciri-ciria	Pemasal Pasang
Info	

Pemilihan Ciri-ciria

- ① Pilih **Ciri-ciria** dalam menu TV Setting.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk masuk ke menu Ciri-ciri.
- ③ Pilih perkara menu menggunakan kursor ke atas/ bawah.
- ④ Tekan kursor ke kanan.
- ⑤ Laraskan Setting menggunakan kursor ke kiri/ kanan.

Pilih sari kata

Muka surat sarikata mesti disimpan untuk setiap saluran TV:
Pasang teleteks dan pilih muka surat sarikata yang sesuai daripada indeks.
Tutupkan teleteks.

Sari kata dipasang akan memaparkannya secara automatik pada saluran yang dipilih jika sarikata dihantar bersama. Satu symbol akan menandakan mod ini sedang dipasang.

Pilih **Pasang ketika Senyap** apabila anda inginkan sarikata dipaparkan secara automatik hanya apabila bunyi disenyapkan dengan kekunci  pada alat kawalan jauh.

Pemasal Lena

Mengesetkan tempoh masa di mana TV akan dipadamkan secara automatik ke mod standby.

- ① Pilih **Pemasal Lena**.
- ② Tekan kursor ke kanan.
- ③ Pilih satu nilai menggunakan kursor ke atas/ bawah. Senarai akan mempunyai nilai daripada **0** hingga **180 minutes**.
Apabila **0** dipilih, Pemasal Lena ditutup.
Anda boleh menutup TV lebih awal atau pilih satu lagi set masa.

Kunci budak

- ① Pilih **Kunci budak** dalam menu Ciri-ciri.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk memasuki menu Kunci budak. Anda disuruh masukkan kod anda.
Nota: Anda perlu memasukkan semula kod anda setiap kali anda memasuki menu Kunci budak.

Penting: Jika anda terlupakan kod anda! Lihat m 12.

- ③ Pilih salah satu perkara menu daripada menu Kunci daripada kanak-kanak:
 - **Kunci** jika anda ingin mengunci semua saluran luar.
 - **Kunci personel** kehendak dan tekan kursor ke kanan.
Pilih:
 - Kunci **Selepas** untuk mengunci semua program mulai satu masa tertentu. Tekan kursor ke kanan dan masukkan masa menggunakan kursor ke atas/ bawah dan kanan. Pilih **Pasang** menggunakan kursor ke kanan untuk menetapkan kunci.
 - **Kunci Saluran** jika anda ingin mengunci saluran TV atau saluran luar tertentu.
 - Pilih **Tidak kunci** untuk menyahboleh semua kunci yang telah ditetapkan.

Pemasal

Dari mod sedia, ciri ini secara automatik menghidupkan TV ke nombor program tertentu, pada waktu tententu.

- ① Pilih **Pemasal Pasang** dalam menu ciri-ciri.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk masuk ke menu Pemasal Pasang.
- ③ Pilih **Pemasal** dan tekan kursor ke kanan.
- ④ Pilih **Pasang**.
- ⑤ Pilih **Saluran** dan kemudian saluran pilihan pada masa dan hari pilihan anda.
- ⑥ Pilih **Hari** dan kemudian satu hari dalam seminggu atau pilih Harian.
- ⑦ Pilih **Masa** dan masukkan masa menggunakan kekunci digit atau kursor ke atas/ bawah.
- ⑧ Tekan kekunci **OK** untuk mengaktifkannya.
- ⑨ Tekan kekunci **MENU** untuk menutup menu.

Nota:

- Untuk memeriksa penetapan pemasal anda, tekan kekunci .
- Hanya satu pemasal Pasang boleh ditetapkan.

Setting	
Ciri-ciria	Kunci personal
Sari kata	Kunci seterusnya
Pemasal Lena	Kunci saluran
Kunci budak	
Pemasal Pasang	
Info	

Setting	
Ciri-ciria	Pemasal pasang
Sari kata	Pemasal
Pemasal Lena	Saluran
Kunci budak	Hari
Pemasal Pasang	Waktu
Info	

Setting	
TV	Ambilight
Gambar	Ambilight
Bunyi	Tahap kecerahan
Ambilight	Mod
Ciri-ciria	Warna
	Pembahagian
	Imbangan
Info	

Setting	
Ambilight	Mod
Ambilight	Warna
Tahap kecerahan	Ambien
Mod	Rileks
Warna	Wayang
Pembahagian	Tindakan
Imbangan	
Info	

Setting	
Ambilight	Warna
Ambilight	Warna bijak
Tahap kecerahan	Pelet
Mod	Saturasi
Warna	
Pembahagian	
Imbangan	
Info	

Menu Ambilight

Ambilight adalah konsep pelampuan yang inovatif menggunakan cahaya dengan penyesuaian warna sepenuhnya di belakang TV untuk mempertingkatkan pengalaman menonton. Analisa kandungan gambar mengubahsuai warna secara berterusan, atau cahaya dapat dibetulkan kepada sebarang warna yang ditetapkan dan pelbagai perubahan tonal warna putih. Ambilight menghasilkan persekitaran tontonan yang ideal untuk TV anda, meningkatkan cara tontonan dengan lebih rileks, meningkatkan perincian gambar yang diterima, kontras dan juga warna. Di mod sedia, cahaya boleh diset/diubahsaikan kepada sebarang warna dan menghasilkan suasana yang unik di dalam bilik.

1 Pilih **Ambilight** di dalam menu TV.

2 Tekan kursor bawah untuk memasuki menu Ambilight.

3 Pilih Ambilight dan tekan kursor kanan untuk memilih **Off** atau **On**.

- **Off:** akan mematikan cahaya sekeliling dan memalapkan item menu yang lain.
- **On:** lampu sekeliling akan dinyalakan. Perbaiki penetapan cahaya menu di bawah.

4 Pilih **Kecerahan** untuk membetulkan pengeluaran cahaya di bahagian sekeliling.

5 Pilih **Mod** dan tekan kursor kanan untuk memilih **Warna, Ambien, Rileks, Wayang atau Tindakan**.

- **Cahaya:** ini akan menunjukkan cahaya tetap berdasarkan kepada seting di dalam menu cahaya Ambilight. Lihat bawah.
- Pilihan **Ambien, Rileks, Wayang** dan **Tindakan** akan memadankan kecerahan dan cahaya secara dinamik kepada isi kandungan skrin. Pilihan mod akan memberi kesan kepada kelajuan dan/atau penepuan dan/atau intensiti yang akan menentukan pengaruh tontonan. Contoh di dalam mod **Rileks**, kadar kecerahan dan warna berubah secara lancar dan lembut yang akan memberikan anda tontonan yang lebih mendalam dan berasa rileks.

Nota:
Suasana adalah perubahan kadar kecerahan dan cahaya seperti yang telah ditetapkan di dalam kilang.

Wayang akan mempengaruhi persepsi terhadap wayang gambar tersebut manakala mod **Tindakan** akan mempengaruhi perasaan dinamik.

Nota:

- Kadar perubahan adalah terhad, agar tidak menyebabkan sensasi yang tidak selesa.
- Berdasarkan kepada pilihan yang dibuat, beberapa item menu Ambilight akan dikaburi dan tidak boleh dipilih.

6 Sekiranya **Warna** telah dipilih di dalam menu Mod:

- Pilih **Warna** di dalam menu Ambilight dan tekan kursor kanan.
- Pilih **Peribadi, Putih Sejuk, Putih Panas** atau **Biru**.
- Pilih **Pelet** untuk memilih warna am cahaya.
- Pilih **Penepuan** untuk membetulkan pewarnaan cahaya.

Nota:

- Pembetulan Pelet dan/atau seting Penepuan akan set mod warna kepada Peribadi.
- Mod warna yang dipilih akan digunakan semasa menyalakan cahaya sekeliling daripada sedia..

7 Jika **Suasana, Rilaks, Wayang gambar** atau **Aksi** telah dipilih dalam menu Mod:

- Pilih **Pemisah** dalam menu Ambilight dan tekan kursor ke kanan.
- Pilih **Padam** untuk tingkah laku mono yang bermaksud semua lampu akan memberikan respon yang sama.
- Pilih **Minimum, Sederhana** atau **Maksimum** untuk memperjelas kesan stereo Ambilight terhadap lampu-lampu yang ada.

8 Pilih **Imbangan** dan gunakan kursor ke kiri/ kanan untuk melaras dan menghasilkan sebarang warna dan tahap keamatian cahaya pada sebelah kiri dan kanan gambar agar sepadan dengan setup bilik anda.

Ambilight di dalam mod Sedia

Semasa TV dimatikan suisnya, cahaya sekeliling akan turut dimatikan. Semasa TV di dalam mode sedia, ambilight boleh digunakan untuk menghasilkan suasana yang unik kepada bilik. Tekan kekunci **AMBILIGHT OFF** or **ON** di atas alat kawalan jauh untuk mematikan atau menyalakan Ambilight.

Gangguan Infra merah di atas peranti luaran

Untuk mengelakkan penerimaan alat kawalan jauh terjejas, letakkan peranti luaran anda jauh daripada penglihatan cahaya sekeliling set TV anda.

Nota: Ambilight tidak berfungsi dengan baik semasa cuaca bilik kurang daripada 15°C.

Pembelek Multimedia



Pembelek Multimedia membolehkan anda memaparkan gambar atau memainkan fail audio yang tersimpan pada peranti USB atau kad memori. Aplikasi Pembelek Multimedia diperoleh daripada menu Pembelek (tekan kekunci) dengan memilih suatu peranti atau menekan kursor ke kanan.

Nota:

- Jenis-jenis kad memori berikut boleh dibaca:
Compact Flash I & II, Memory stick, Memory stick PRO, SD Card/ Mini SD Card, Smart Media, Micro Drive, MultiMedia Card.
- Format fail berikut boleh dihasilkan:
 - Untuk gambar: JPEG
 - Untuk audio: MP3, MP3 Pro
 - Untuk video: Fail MPEG1, MPEG2, MPEG4, DIVX atau XVID.
- Hanya peranti memori berformat FAT/DOS disokong.
- Jika kamera digital anda tidak disokong, cuba salah satu penyelesaian berikut:
 - Pastikan kamera anda terpasang dan sahkan setting konfigurasinya adalah betul (lihat manual kamera anda).
 - Keluarkan kad memori dari kamera anda dan masukkannya ke dalam slot kad memori. Rujuk www.philips.com/support untuk maklumat lanjut.
- Philips tidak bertanggungjawab jika peranti USB atau kad memori anda tidak disokong.


Melihat kandungan daripada kad Memori / peranti USB Memasukkan kad memori / peranti USB

Nota: Kad memori atau peranti USB tidak dibekalkan bersama TV ini.

Masukkan kad memori ke dalam salah satu kadslot di sebelah kanan TV anda. Memasukkannya sebagai klik in.


Bagi stik memori atau kamera digital, sambungkannya pada salah satu penyambung USB2.0.

Apabila kad memori atau peranti USB sudah dimasukkan, menu Multimedia terpapar secara automatik, lihat keterangan lanjut.



Mengeluarkan kad memori / peranti USB

- ➊ Mula-mula tutup menu Pembelek. Untuk melakukannya, meluncur ke menu Multimedia Pembelek dan tekan kekunci pada alat kawalan jauh.
- ➋ Keluarkan kad memori / peranti USB.




Perlindungan data kad

- Jangan keluarkan kad/ peranti USB apabila kandungannya sedang dibaca atau apabila sedang diluncuri. Tindakan seumpama ini boleh merosakkan kad memori/ peranti USB.
- Jangan sentuh terminal di belakang kad.
- Sentiasa masukkan kad pada arah yang betul. Jika gagal berbuat demikian boleh merosakkan kad dan unit.
- Jangan dedahkan kad kepada tekanan berlebihan atau impak yang kuat.
- Kerosakan fungsi unit atau kad boleh mengakibatkan kehilangan data atau kerosakan kad.
- Philips tidak akan bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan data yang tersimpan.

Amaran:

Kad memori boleh ditelan oleh anak-anak kecil. Jangan biarkan kanak-kanak memegang kad memori. Sila keluarkan kad memori sebaik sahaja selepas diguna.



Menu Pembelek Multimedia

- ➊ Masukkan peranti USB atau kad memori.
- ➋ Pilih peranti USB atau kad memori di bawah Multimedia menggunakan kursor ke atas/ bawah.
Pembelek Multimedia akan membolehkan pengguna membaca kandungan yang tersimpan pada peranti USB atau kad memori yang dimasukkan. Tekan kursor ke kanan.
- ➌ Pembelek 2 panel akan dipaparkan dengan panel kiri mengandungi jenis-jenis kandungan (Musik, Gambar, Video).
Panel kanan akan memaparkan kandungan tersedia bagi jenis kandungan pilihan.
- ➍ Tekan kursor ke atas/ bawah untuk memilih jenis kandungan dan tekan kursor ke kanan untuk masuk ke dalam kandungan.
- ➎ Tekan kursor ke atas/ bawah untuk memilih fail atau direktori.
Nota: Tekan kekunci warna hijau untuk memaparkan semua fail gambar dalam direktori semasa sebagaiuraian ringkas apabila melihat gambar. Tekan kekunci hijau sekali lagi untuk memaparkan fail gambar dalam senarai.
- ➏ Jika satu fail sudah dipilih, tekan kekunci **OK** untuk memaparkan fail gambar atau memainkan fail audio.
Jika satu direktori, album atau senarai sudah dipilih, tekan kursor ke kanan untuk masuk ke kandungan atau tekan kekunci **OK** untuk memulakan tayangan slaid atau rakaman bagi fail-fail yang wujud dalam direktori, album atau senarai.
- ➐ Tekan kursor ke kiri agar muzik terus dimainkan dan beralih semula ke menu Multimedia.
- ➑ Tekan salah satu kekunci warna pada alat kawalan jauh untuk melakukan fungsi sepadan yang disebutkan pada bahagian bawah skrin.
Kekunci warna biru boleh digunakan untuk membolehkan warna muncul semula.
- ➒ Untuk berhenti memainkan kandungan, tekan kekunci **■** pada alat kawalan jauh.

Nota:

- **TV anda menyokong tayangan slaid dengan muzik latar.** Lihat Lampiran 2, ms.36.
- Senarai lagu akan terus dimainkan walaupun beralih buat sementara kepada skrin pembelek. Audio akan berhenti apabila satu lagi lagu mula dimainkan, atau apabila sudah sampai ke penghujungnya.
- Panjang fail tidak boleh melebihi 128 karakter.
- Jangan guna titik `.' bagi menamakan folder.
- Lebih banyak tanda teknikal boleh ditemui dalam Lampiran 3, ms. 41.
